

TIDAK AKAN MENANG TUKANG SIHIR ITU, DARI MANA SAJA IA DATANG

[MUTIARA AL-QURAN UNTUK PANDUAN HIDUP]



https://youtu.be/c49v_UlnmLw

VIDEO – [Durasi – 8m 56s] – MUTIARA AL-QURAN – Tidak Akan Menang Tukang Sihir (Tidak Akan Menang Kebatilan)

“DAN TIDAK AKAN MENANG TUKANG SIHIR ITU, DARI MANA SAJA IA DATANG” (SURAH THAHA, AYAT 69)

EKSTRAKS DARI VIDEO

1. Asalnya ayat ini adalah cerita tentang tukang sihir di zaman Nabi Musa.
2. Apa-apa dan sesiapa pun sekiranya ianya melawan mukjizat ianya tidak akan menang. Mukjizat di segi zahirnya nampak lebih kurang sama dengan sihir.
3. Sebagaimana tercatat dalam al-Quran dan hadith, bila Nabi Musa berhadapan dengan tukang sihir Fir'aun, terbukti sihir tidak boleh mengalahkan mukjizat walaupun di segi luaran ianya nampak seolah-olah serupa.
4. Mukjizat Nabi kita yang dibelah dada pada zahirnya kelihatan sama dengan pembedahan-pembedahan serupa yang dilakukan oleh doktor pada masa ini. Walaupun begitu, kemampuan membelah dada oleh doktor tidak boleh menandingi mukjizat Nabi.
5. Doktor boleh mengeluarkan organ dalaman dari tubuh tetapi tidak boleh mengeluarkan "stesyen" syaitan dari hati kita. Jibril membuang "stesyen" tersebut, oleh itu syaitan tidak dapat mempengaruhi Nabi walaupun sedikit.
6. Sihir atau kepakaran manusia tidak dapat menandingi mukjizat.
7. Begitu juga mukjizat dalam peristiwa Isra' mikraj, di mana Nabi diperjalankan sehingga tujuh petala langit sehingga "Sidratul Muntaha" dalam masa yang singkat. Peristiwa ini begitu ajaib, sehingga orang kafir mendustakannya kerana ianya tidak logik dinilai dengan pengalaman mereka. Saintis mas kini pula menolaknya kerana ianya tidak selari dengan kajian sains mereka.
8. Berbeza dengan perjalanan israk mi'raj, mereka yang pergi ke angkasa lepas tidak dapat ambil apa-apa arahan dan hukum dari Allah. Perjalanannya pun tidaklah jauh jaraknya dari bumi.
9. Sesungguhnya kebolehan manusia tidak dapat menandingi mukjizat dari Allah.
10. Ayat al-Quran ini, tidak terhad kepada sihir sahaja, tetapi juga merupakan isyarat tentang "pertarungan" di antara kebenaran dan kebatilan.
11. Yang tidak benar akan sentiasa kalah dengan yang benar.
12. "Bila datang kebenaran yang batil akan lenyap", tidak boleh bertahan.
13. Bacaan zikir dan ayat-ayat al-Quran tertentu mampu menyekat keberkesanan sihir dan akan mengalahkan sihir.
14. Hakikatnya, kebatilan tidak akan dapat mengalahkan kebenaran.

KEBENARAN AKAN SENTIASA MENGALAHKAN KEBATILAN. BILA DATANG KEBENARAN YANG BATIL AKAN LENYAP.